

## Sekilas Landang Riwayat Hidup Lim Lian Geok



### Prihatin Terhadap Kebajikan Guru-Guru Sekolah Cina

Antara tahun 1935 hingga 1961, Lim Lian Geok berkhidmat sebagai guru di Sekolah Confucian, Kuala Lumpur. Beliau telah dipertanggungjawabkan untuk memulihkan bangunan sekolah yang termusnah akibat Perang Dunia Kedua. Beliau terlibat secara aktif dalam penubuhan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur (KLCSTA) demi menjaga kebajikan guru-guru.

### Bantahan Terhadap Laporan Barnes

Laporan Pelajaran Barnes 1951 yang mencadangkan pemansuhan sekolah Cina dan Tamil telah membangkitkan bantahan kuat dari kalangan masyarakat Cina dan India. Lim Lian Geok, Presiden Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur (KLCSTA) pada ketika itu

bersama dengan guru-guru lain mengadakan satu perjumpaan guru-guru sekolah Cina se-Malaya pada Ogos 1951 bagi membantah Laporan Barnes. Tidak lama selepas itu, Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaya (Jiao Zong, UCSTA, kini UCSTAM) ditubuhkan.

### Rundingan Melaka dan Laporan Razak

Menjelang pilihanraya pertama iaitu pada 12 Jan 1955, Lim dan rakan seperjuangannya menghadiri satu rundingan dengan Perikatan (The Alliance) di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman di kediaman Tan Cheng Lock di Melaka. Pertemuan yang penting ini kemudian dikenali sebagai 'Rundingan Melaka'. Dalam rundingan tersebut, Lim bersetuju memberi laluan kepada Perikatan dan berjanji tidak akan membangkitkan isu bahasa rasmi menjelang pilihanraya. Sebagai balasan, Tunku Abdul Rahman pula secara lisan memberi jaminan bahawa Ordinan Pendidikan 1952 yang menerapkan semangat Laporan Barnes akan dimansuhkan. Persefahaman ini telah membantu Perikatan menang dengan majoriti yang besar dalam pilihanraya umum tersebut, yakni berjaya menawan 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Sejurus kemenangan tersebut,

Laporan Razak 1956 telah menggabungkan kesemua empat aliran sekolah rendah ke dalam sistem pendidikan kebangsaan yang tunggal.

### Kerakyatan Dilucutkan

Status kerakyatan dan permit mengajar Lim Lian Geok dilucutkan pada tahun 1961 ekoran bantahan keras mendiang Lim terhadap Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pendidikan 1961 yang memansuhkan semua sekolah menengah Cina menerima subsidi kerajaan dan ditukarkan kepada sekolah kebangsaan dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Hasilnya, 54 daripada 70 sekolah menengah Cina ditukarkan ke 'Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan'. Sungguhpun kehilangan hak kerakyatan dan peluang pekerjaan, Lim tetap enggan meninggalkan Malaya dan kembali ke tanah kelahirannya di China. Katanya, "Saya tidak membelot apatah lagi menyerah kalah! Jauh sekali berputus asa! Tidak juga sekali-kali saya berlari atau meninggalkan negara ini"

### Malayanisasi Buku Teks

Sebelum negara mencapai kemerdekaan, Lim Lian Geok sudah ada kesedaran setempat

Malaya terutamanya menerusi pelaksanaan Malayanisasi buku teks sekolah-sekolah Cina pada tahun 1952. Katanya, "Buku teks yang ada sekarang adalah diterbitkan di negara China, kebanyakan kandungannya tidak mencerminkan situasi sebenar di Malaya. Justeru perlulah kami memperbaharui buku teks yang sudah ketinggalan zaman... Dengan cara ini pasti ia dapat membuktikan generasi baru memberi ketaatan dan kesetiaan kepada negara Malaya"

### Perutusan "Persoalan Pembinaan Jiwa"

Pada 1 Mei 1956, Lim Lian Geok dijemput menyampaikan perutusan Hari Raya Aidilfitri atas undangan Utusan Melayu. Perutusan beliau bertajuk "Persoalan Pembinaan Jiwa". Ini adalah suatu penghormatan kepada Lim Lian Geok, seorang pemimpin masyarakat Cina dan pendukung pendidikan bahasa ibunda Bahasa Melayu.

### Meninggal Dunia

Lim Lian Geok meninggal dunia pada tahun 1985 kerana infeksi paru-paru. Sebagai tanda penghormatan, pertama kali dalam sejarah, Dewan Perhimpunan Cina KL dan Selangor dijadikan sebagai tempat pemujaan roh dan jenazahnya. Perarakan jenazah ke tanah perkuburan adalah yang paling besar pernah disaksikan dalam sejarah ibu kota.

## Dengenalan

**Pusat** Pembangunan Kebudayaan LLG ditubuhkan pada 28 Dis 1985 oleh 15 pertubuhan Cina yang utama, iaitu 10 hari selepas kematian Lim Lian Geok. Penubuhan LLG bertujuan untuk memperingati mendiang Lim Lian Geok, seorang pejuang pendidikan bahasa Cina yang terulung di Malaysia. Sebagai tanda penghormatan terhadap sumbangan beliau dalam mempertahankan kelangsungan pendidikan Bahasa Cina dan kepelbagaian budaya di Malaysia, tarikh kematian beliau telah diisytiharkan sebagai "Hari Pendidikan Bahasa Cina".

LLG berazam mendukung gagasan dan semangat Lim Lian Geok seperti berikut:

- ⑤ Semangat patriotik dan mencintai negara dengan mempertahankan hakikat kepelbagaian budaya dan kebudayaan golongan minoriti;
- ⑤ Mengutarakan pemikiran kesetaraan kaum, perpaduan dan persahabatan di kalangan rakyat berbilang bangsa dan agama, bertolak ansur dan saling bantu-membantu, hidup berbilang, makmur bersama;
- ⑤ Berani berjuang dan berkorban untuk hak berbudaya, terutamanya kedudukan yang wajar untuk pendidikan bahasa ibunda;

## Objektif

- ⑤ Memperingati Lim Lian Geok di samping menyebarkan semangat keadilan, kebebasan dan kesamarataan yang dicanang oleh mendiang Lim;
- ⑤ Memajukan pendidikan bahasa ibunda dan memupuk tradisi kebudayaan etnik.
- ⑤ Memperhebatkan program rentasan kaum dan pelbagai masyarakat madani demi menjaga hak berbudaya dan berpendidikan, hak asasi manusia dan demokrasi.
- ⑤ Memantapkan pemikiran kepelbagaian budaya dan hak berbudaya melalui program seminar dan persidangan akademik, penerbitan buku, kursus humaniti, kursus demokrasi, pendidikan sivik dan sebagainya.

## Teras Kepimpinan

Dato' Dr. Toh Kin Woon dipilih sebagai Presiden LLG dan Encik Low Sik Thong sebagai Timbalan Presiden pada Ogos 2009. Lembaga pengarah LLG terdiri daripada 35 anggota, dengan tujuh jawatankuasa kerja, merangkumi Jawatankuasa Perhubungan, Jawatankuasa Akademik, Jawatankuasa Hari Pendidikan Bahasa Cina, Jawatankuasa Perancangan Kewangan, Jawatankuasa Publisiti, Jawatankuasa Masyarakat Madani, Jawatankuasa Kebudayaan dan Pendidikan. Pada masa kini, pejabat pentadbiran mempunyai 6 orang kakitangan dan ia diketuai oleh Puan Yow Lee Fung sebagai Ketua Eksekutif.

## Program dan Aktiviti

1. Menganjurkan persidangan dan seminar ilmiah, antara lain termasuk:
  - 1.1 Simposium Lim Lian Geok dan Usman Awang : Nasionalis Malaysia yang Tulen (19/6/10)
  - 1.2 Ceramah "Semangat Lim Lian Geok, demokrasi dan hak asasi manusia" (Jan & Mac 2010)
  - 1.3 Seminar silang budaya bertemakan "Kebudayaan dan Ekonomi Islam", anjuran bersama KLSCAH (Okt 2009)
2. Menganjurkan forum "Mempelopori dasar pengajaran matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris dari sudut falsafah pendidikan" bersama PAKSI, KLSCAH dan sebagainya.
3. Malam Kebudayaan bagi mengutip derma untuk tabung mangsa gempa bumi di Padang, Sumatera. Anjuran bersama PAKSI, Tamil Foundation dan KLSCAH (11/11/2009)
4. Penyelaras projek pelajar tercicir sekolah menengah dalam Pelan Bertindak 20 Tahun Huazong.
5. Seminar dan majlis pelancaran buku "Lim Lian Geok: Jiwa Bangsa Cina Malaysia" (31/7/2010)
6. Acara tahunan Hari Pendidikan Bahasa Cina menjelang Disember 2010



**Pusat  
Pembangunan  
Kebudayaan  
LLG**